

Newspaper	Berita Harian
Date	8/4/2011

## Pak Lah penuh hobi berkereta, membaca buku

**P**UTRAJAYA: "Saya tidak ada masalah untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baru. Tidak ada banyak bezanya antara kehidupan dulu dengan sekarang tetapi kini lebih bebas menentukan jadual harian saya, tidak terikat dengan jemputan untuk menghadiri majlis."

Demikian kata bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, semalam mengenai kehidupannya selepas tidak lagi memegang tampuk kepimpinan sejak Jumaat lalu.

Abdullah berkata demikian pada majlis makan te-

ngah hari bersama anggota media yang berpejabat di Putrajaya, ditemani isteri, Tun Jeanne Abdullah, ke majlis makan tengah hari bersama anggota media yang berpejabat di Putrajaya di sini.

Abdullah yang kelihatan ceria, banyak berbual mengenai kegemarannya iaitu memandu kereta sendiri dan membaca buku.

Jeanne pula lebih banyak berbual mengenai masakan, termasuk menu yang disukai Abdullah serta minatnya terhadap tanaman herba.

"Saya juga mempunyai lebih banyak masa untuk me-



ABDULLAH diraikan wakil media Putrajaya di Kelab Tasik Presint 8, semalam.

mandu, saya boleh bawa kereta sendiri, saya suka memandu. Malah, saya juga boleh membaca lebih banyak buku sebab sebelum ini tidak berkesempatan kerana terpaksa meneliti banyak dokumen dan kertas kerja," kata Abdullah ketika berucap.

Pada masa yang sama, beliau turut menasihati wartawan yang hadir supaya sentiasa memperbaiki diri dalam karier sehingga ke peringkat tertinggi, selain menjaga diri kerana bidang tugas wartawan sentiasa berdepan dengan pelbagai ke-

mungkinan yang tidak diduga.

Ditanya apa yang dilakukannya sebaik saja melepaskan jawatan Perdana Menteri, Abdullah berkata, beliau sibuk mengemaskan barang untuk berpindah dari kediaman rasmi, Seri Perdana.